

09/09/1997

Pejabat mufti sambut baik cadangan kerajaan

KOTA BHARU, Isnin - Pejabat Mufti Kerajaan Kelantan menyambut baik kesediaan pihak kerajaan mengadakan pertemuan lebih kerap dengan mufti bagi merapatkan hubungan antara umarak dengan ulama.

Timbalan Mufti Kelantan, Datuk Mohamad Shukri Mohamad, berkata kesediaan kerajaan itu penting terutama bagi membentuk keseragaman dalam banyak perkara, terutama menyentuh soal agama.

"Kerajaan dan mufti perlu membentuk agenda teratur dalam setiap perjumpaan bagi memastikan perbincangan itu akan memanfaatkan kedua-dua pihak," katanya.

Bagaimanapun, katanya, ia memerlukan agenda untuk mencari penyesuaian yang boleh memberi faedah kepada semua pihak terbabit.

"Golongan ulama, termasuk mufti, di seluruh negara bersetuju dengan cadangan itu kerana ia boleh menyelesaikan masalah berbangkit dan kerajaan tidak akan menerima laporan menerusi pihak ketiga semata-mata," katanya.

Beliau diminta mengulas laporan akhbar semalam berhubung kesediaan kerajaan bertemu lebih kerap dengan mufti bagi merapatkan hubungan di antara umarak dengan ulama.

Dalam kenyataan selepas perhimpunan Umno Agung Umno semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bagaimanapun berkata agak sukar bagi kerajaan mengadakan pertemuan dengan semua ulama kerana tafsiran ulama di negara ini terlalu luas sehingga ramai orang mendakwa diri mereka sebagai golongan itu.

Menurut Mohamad Shukri, sehingga ini ulama tidak pernah meminta diri mereka diiktiraf walaupun mempunyai ilmu agama yang tinggi.

Berhubung fatwa yang dikeluarkan mufti tanpa memerlukan rujukan kepada Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan, beliau berkata seluruh mufti mengetahui tugas mengikut enakmen sedia ada di negeri masing-masing.

(END)